

KEPERLUAN PSIKOSOSIAL MANUSIA

KANAK-KANAK DAN REMAJA



Oleh,

Dr. Melissa Ng Lee Yen Abdullah

School of Educational Studies, University of Science Malaysia

B.A. Ed, M.Ed (Educational Psychology), PhD (Educational Psychology)

Member of the Educational Research Association of Singapore & the International Self-Research Center, Australia.

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK (lahir – 1 tahun) ?

Keperluan: makanan dan minuman yang seimbang, ruang untuk bergerak dan bermain, rangsangan, ikatan dan kasih sayang ibu bapa (*attachment*)

- **Perkembangan fizikal, kognitif, dan emosi yang sihat**
- **Bayi (lahir-1 tahun) mesti menanam kepercayaan terhadap ibu bapa ataupun pengasuh yang menjaganya**

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK (1– 3 tahun) ?

- **Kanak-kanak berusia 1 - 3 :mula inginkan kebebasan dan peluang untuk melakukan sesuatu secara bersendirian.**
- **Mereka mempunyai rasa ingin tahu yang amat tinggi.**

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK (1– 3 tahun) ?

- **Perkembangan bahasa yang pesat sekitar usia 2 tahun, dan pemikiran berpusatkan diri sendiri turut menggalakkan kanak-kanak untuk menyuarkan kehendak mereka**
- **Jika selalu diherdik dan dihalang melakukan sesuatu akan menyebabkan kanak-kanak sangsi dengan kebolehan diri.**

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK (3-6 tahun) ?

- Keperluan: berdikari dan ingin memilih sendiri perkara yang menjadi kesukaan, pemikiran berpusatkan diri sendiri.
- Jika keadaan berdikarinya tidak mendapat sokongan, dia akan berasa kecil hati dan kesal. Sebaliknya jika disokong, dia akan berasa bangga.

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK (3-6 tahun) ?

- Kanak-kanak (3-6 tahun) sedar bahawa dia adalah entiti yang terpisah daripada ibu bapa dan
- Kanak-kanak ingin dna boleh melakukan sesuatu secara bersendirian

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK (6-11 tahun) ?

- Keperluan: harapan dan maklum balas tentang kebolehannya untuk belajar
- Kanak-kanak berusia 6-11 tahun mempunyai keinginan untuk menunjukkan bahawa diri mereka berguna, berpengetahuan, mampu berfikir dan boleh mempelajari sesuatu

PERANAN GURU DALAM MEMELUHI KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK

- **Guru merupakan orang yang penting kepada kanak-kanak yang telah memasuki alam persekolahan.**
- **Galakan (pujian) dan kebebasan yang diberi oleh guru boleh memberi kesan positif terhadap aspek psikososial kanak-kanak.**

PERANAN RAKAN DALAM MEMENUHI KEPERLUAN PSIKOSOSIAL KANAK-KANAK

- **Rakan merupakan orang yang penting dalam penghidupan kanak-kanak**
- **Keperluan: Persahabatan, teman bermain, penerimaan rakan sebaya**

TANDA-TANDA MASALAH PSIKOSOSIAL

- **Mengasingkan diri dari keluarga, rakan sebaya dan masyarakat**
- **Cubaan untuk mencederakan diri sendiri/ membunuh diri**
- **Tidak dapat memberikan penumpuan semasa pembelajaran & kemerosotan mendadak dalam pencapaian akademik**
- **Merasa takut meninggalkan rumah ataupun membuat aktiviti yang biasa dilakukan sebelumnya**
- **Pengurangan aktiviti sosial**
- **Terganggu dengan perasaan-perasaan bersalah, ketakutan dan kesedihan**
- **keengganan ke sekolah**



KEPERLUAN PSIKOSOSIAL REMAJA

12 - 18 Tahun

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL REMAJA (12-17 TAHUN?)

- Pelbagai perubahan berlaku pada waktu baligh secara mendadak.
- Semasa baligh, remaja sensitif pada perhatian ataupun pandangan orang lain terhadap perubahan fizikal mereka.



APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL REMAJA (12-17 TAHUN?)

- **Egosentrik Remaja** - kebanyakan remaja mempunyai fikiran yang egosentrik-berpusatkan diri; mereka sukar melihat sesuatu perkara dari pandangan orang lain.
- **Gaya Asuhan Autoritarian** boleh memburukkan konflik antara remaja dengan ibu bapa
- **Remaja cenderung memberontak dan inginkan kebebasan untuk membuat keputusan**




APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL REMAJA (12-17 TAHUN?)

- Remaja inginkan kebebasan untuk mengasingkan diri daripada ibu bapa dan membentuk identiti diri mereka sendiri. Pandangan remaja lebih dipengaruhi rakan sebaya.
- Persahabatan penting dalam membantu remaja mencari identiti diri
- Pada zaman remaja, peraturan dianggap persetujuan antara individu-individu. Perselisihan pendapat dengan ibu bapa sering berlaku.

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL REMAJA (12-17 TAHUN?)

- Remaja inginkan autonomi dan kebebasan untuk mencuba sesuatu yang baru dan melakukan apa yang mereka suka.
- Remaja mungkin akan cuba merokok, mengambil dadah, mengadakan hubungan seks bebas, lari dari rumah, dsb.


APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL REMAJA (12-17 TAHUN?)



- **Remaja juga perlu membentuk konsep kendiri dan efikasi kendiri yang positif. Penerimaan ibu bapa penting.**
- **Kegagalan mencapai harapan ibu bapa dari segi akademik boleh memberi kesan yang negatif pada aspek emosi remaja.**

APAKAH KEPERLUAN PSIKOSOSIAL REMAJA (12-17 TAHUN?)

- Dalam masyarakat yang menekankan pencapaian akademik, remaja cenderung membandingkan pencapaian diri dengan pencapaian rakan sebaya.
- Pencapaian akademik penting dalam membentuk konsep diri akademik yang positif.
- Terdapat perbezaan gender dari segi konsep diri remaja



SEKIAN TERIMA KASIH